

Ucapan: ADHO
565
184/80

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK
HUSSEIN ONN, DI UPACARA MERASMIKAN
PEMBUKAAN SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL JALAN YAHYA AWAL,
JOHOR BHARU, PADA 5.3.1973 JAM:
9.00 pagi

yang berada di bandar Johor Bharu ini, iaitu
Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
Jalan Duke, Jalan Keban Tan dan Bukit Chergara.
Oleh kerana sekolah-sekolah yang tersebut

Terlebih dahulu saya ucapkan
terima kasih kepada pihak yang berkenaan
sekolah ini kerana telah menjemput saya
merasmikan bangunan baru Sekolah Rendah
Jenis Kebangsaan Tamil, Jalan Yahya Awal.

memunyai bilangan murid tidak begitu banyak
dan ada kelas sekolah ini dibina dan di-
tadbirkan oleh seorang guru, maka Kerajaan
saya perancangan sekolah-sekolah seumpama
itu seperti yang telah kita buat pada 3 buah
sekolah Tamil di Johor Bharu ini, menjadi
satu dan mendapat satu bangunanantik yang

terletak Mengikuti pejarah perkembangan
sekolah ini, bahawa sekolah ini adalah hasil
percantuman daripada 3 buah sekolah Tamil
yang berada di bandar Johor Bharu ini, iaitu
Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
Jalan Duke, Jalan Kebun Teh dan Bukit Charga.
Oleh kerana sekolah-sekolah yang tersebut
kecil, maka didapati pihak yang berkenaan
mengalami banyak kesulitan untuk mentadbir
dan mengelolakan sekolah-sekolah tersebut.
Mengikuti dasar Kerajaan, suka saya nyatakan
disini bahawa sekolah-sekolah kecil yang
mempunyai bilangan murid tidak begitu banyak
dan ada kala sekolah ini dikelola dan di-
tadbirkan oleh seorang guru, maka Kerajaan
akan mencantumkan sekolah-sekolah seumpama
itu seperti yang telah kita buat pada 3 buah
sekolah Tamil di Johor Bharu ini, menjadi
satu dan mendapat satu bangunan cantik yang

terletak di sebuah tempat yang agak tinggi dan berhampiran pula dengan pantai.

Suka saya menyatakan di sini bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid yang sedikit biasanya mengalami beberapa kesulitan dan juga kekurangan kemudahan, diantaranya, tidak ada padang permainan, kurang pula alat-alat permainan, tidak ada kantin, bilik darjah tidak mencukupi dan juga kemudahan-kemudahan yang lain; maka dengan adanya dasar mencantumkan atau menjadikan sekolah-sekolah pusat, kita berharap sekolah-sekolah yang kecil yang berhampiran antara satu dengan lain dapat dijadikan satu dan dikumpulkan murid-murid dari tiga empat buah kampong belajar di tempat yang sama.

Saya ketahui bahawa percantuman sekolah-sekolah yang seumpama ini akan menimbulkan sedikit kesulitan kepada ibu-ibubapa, oleh kerana anak-anak mereka terpaksa berjalan jauh sedikit untuk sampai ke sekolah tetapi demi kepentingan pelajaran anak-anak itu sendiri, maka saya berharap kesulitan ini kita sama-sama hadapi. Tindakan itu perlu kita ambil kalau tidak anak-anak kita di sekolah-sekolah yang kecil akan terus-menerus mengalami kesulitan dan memang sukar untuk diatasi oleh Kerajaan melainkan kalau sekolah-sekolah seperti itu dicantumkan ataupun dijadikan sekolah-sekolah pusat di mana lebih banyak bantuan di bidang kewangan, ramai bilangan guru-gurunya di tambah lagi. Maka dengan ini semua, mudahlah anak-anak kita menerima pelajaran masing-masing.

Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari berbagai kaum dan oleh kerana itu mereka mempunyai berbagai corak nilai hidup sosial, umpamanya, kebudayaan dan ekonomi. Masyarakat berbagai kaum biasanya menimbulkan kerumitan oleh kerana keadaan di mana gulungan ekonomi tertentu terdiri dari kaum-kaum tertentu dan bertempat di kawasan-kawasan tertentu juga. Oleh kerana itu, Kerajaan berharap melalui sistem pelajaran kebangsaan yang ada ketika ini maka rakyat yang berbagai corak itu boleh menjadi satu sumber kekuatan kita untuk mencapai perpaduan muhibbah dan saling mengerti antara satu dengan yang lain. Kepada hadirin sekalian, saya suka menegaskan bahawa penduduk-penduduk negara ini sudah beberapa keturunan hidup

bersama dengan aman dan damai, bersama-sama menikmati kekayaan alam tanahair dan kita telah bersama-sama berusaha untuk mencapai kemerdekaan dan kita telah juga bersama-sama menentang sebarang pencerobohan terhadap keutuhan dan kemerdekaan negara kita. Namun demikian, masih banyak lagi yang boleh kita buat untuk menjamin keadaan ekonomi yang lebih baik antara rakyat yang tidak berada dan yang berada dan juga antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Saya berasa sukacita mengetahui bahawa ibubapa murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Jalan Yahya Awal, akibat daripada percantuman ini telah dapat membeli sebuah bas untuk mengatasi masalah pengangkutan anak-anak dari rumah ke sekolah dan balik. Usaha seperti ini patutlah diberi kepujian dan diharap menjadi contoh dan tauladan kepada sekolah-sekolah di lain-lain tempat, tidak kira aliran apa pun sekolah-sekolah tersebut.

Kita janganlah hanya mengharapkan seratus-peratus bantuan Kerajaan ke atas kemajuan pelajaran anak-anak kita, malahan sering kali disebutkan oleh pemimpin-pemimpin negara bahawa ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Tidak ada faedah Kerajaan mengadakan sekolah-sekolah yang cantik tetapi kalau tidak di isi bilik-bilik darjah itu dengan murid-murid yang berazam hendak mendapat ilmu pengetahuan untuk kebaikan diri mereka pada masa ini dan juga pada masa akan datang.


Kepada ibu-ibubapa sekalian di sekolah ini saya berharap agar mereka menggalakkan anak-anak mereka mempelajari Bahasa Malaysia bersungguh-sungguh oleh kerana peranan Bahasa Malaysia dalam negara kita ini telahpun dinyatakan dan peranan itu akan terus dimainkan samada ada pihak setuju ataupun tidak. Dalam hal ini Kerajaan adalah tegas iaitu menjelang tahun 1982, semua pusat-pusat pengajian di negara kita ini iaitu sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga universiti-universiti serta yayasan-yayasan pelajaran tinggi yang lain akan menggunakan seratus peratus Bahasa Malaysia di dalam pengajian anak-anak kita. Namun demikian, suka saya menegaskan di sini bahawa Bahasa INggeris sebagai bahasa kedua yang diwajibkan akan terus di gunakan. Dalam hubungan ini, saya berharap ibu-ibubapa, janganlah sekali-kali hendaknya salah mengerti

tujuan Bahasa Inggris diajarkan kepada anak-anak kita. Pelajaran Bahasa Inggris adalah penting juga untuk anak-anak bagi melanjutkan pelajaran mereka di seberang laut apabila dewasa kelak, di samping untuk mengambil peranan yang agak aktif dan cergas di bidang perdagangan antarabangsa dan juga mengetahui politik antarabangsa dari satu masa ke satu masa.

Akhir kata, kepada ibu-ibubapa
sekelian serta guru-guru sekolah ini,
saya ucapkan terima kasih di atas
kejayaan mengadakan upacara pembukaan
sekolah ini. Dengan ini saya dengan
segala sukacita membuka dengan rasminya
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil,
Jalan Yahya Awal, Johor Bharu.

Tambahan

Parlimen baru-baru ini telah meluluskan perbelanjaan untuk Kementerian Pelajaran yang berjumlah lebih dari \$843.52 juta. Untuk Negeri Johor sahaja pada tahun ini Kementerian Pelajaran akan melaksanakan 27 buah projek bagi sekolah-sekolah menengah yang akan menelan belanja \$3.903 juta. Sementara untuk sekolah-sekolah rendah pula wang sebanyak \$2.508 juta telah diperuntukan bagi melaksanakan 36 buah projek. Dengan itu jelaslah kepada kita bahawa Kerajaan tidak berhenti mengadakan projek-projek baru untuk pelajaran anak-anak kita tanpa mengira asal keturunan, ugama dan kebudayaan mereka.



Parlimen baru-baru ini telah
meluluskan perbelanjaan untuk Kementerian
Pelajaran yang berjumlah lebih dari
\$843.52 juta. Untuk Negeri Johor sahaja
pada tahun ini Kementerian Pelajaran akan
melaksanakan 25 buah projek bagi sekolah-
sekolah menengah yang akan menelan belanja
\$3.903 juta. Sementara untuk sekolah-
sekolah rendah pula wang sebanyak \$2.508
juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan
36 buah projek. Dengan itu ja
kita bahawa Kerjasama tidak p
projek-projek baru untuk pel
anak kita tanpa mengira asal
ugama dan kebudayaan mereka.



No. Siri	531
No. Penerimaan	176/80